

Headline **Zahir terus ditimpa malang**  
Date **23. Jun 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Circulation **238082**  
Readership **833287**

Language **MALAY**  
Page No **16**  
Article Size **267** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



## Zahir terus ditimpa malang

BALING 22 Jun - Bekas pegawai bank yang juga orang kurang upaya (OKU), Mohd. Zahir Zainol, 41, sekali lagi terpaksa menjadi penganggur selepas ditamatkan perkhidmatan di Pejabat Pergerakan Pemuda UMNO Baling sejak sebulan lalu.

Sebelum ini, kisah Mohd. Zahir yang gagal mendapatkan pekerjaan walaupun pernah ditemuduga sebanyak 10 kali atas alasan tidak boleh bertutur pernah disiarkan akhbar *Utusan Malaysia* sehingga nasibnya mendapat perhatian beberapa pihak sebelum dia ditawarkan bekerja di pejabat Pemuda UMNO Baling.

Mohd. Zahir bernasib baik apabila Ketua Pemuda UMNO Baling, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim menawarkan pekerjaan kepada Mohd. Zahir dengan gaji RM1,000 sebulan.

Tetapi nasib bekas pegawai bank lulusan Diploma Sains Komputer dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berulang apabila dia kini tidak lagi mempunyai pendapatan untuk menanggung sara hidup keluarganya.

Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian Baling, Jailani Ahmad ketika dihubungi mengesahkan pihaknya terpaksa menamatkan perkhidmatan Mohd. Zahir berikutan kekalahan Barisan Nasional di kawasan Parlimen Baling pada pilihan raya umum Mac lalu.

Sementara itu isterinya, Noryati Khalid, 40, berkata, kehilangan sumber pendapatan suaminya turut men-

jejaskan mereka sekeluarga termasuk bagi membiayai persekolahan tiga anak mereka.

Noryati yang hanya bekerja sambil dengan membasuh pakaian di rumah penduduk berdekatan tempat tinggalnya, berharap ada pihak yang sudi membantu suaminya mendapatkan pekerjaan.

Katanya, mereka sekeluarga terpaksa menumpang di rumah ibu mertuanya, Saarah Md Zain, 60, di Batu 47, Jalan Weng, Kampung Bawah Gunung, Baling dekat sini.

Mohd. Zahir yang berpengalaman bekerja dengan bank selama 13 tahun mengambil keputusan pulang ke kampung untuk berniaga aiskrim yang diproses sendiri di rumahnya bagi membiayai persekolahan anaknya.

Walaupun tidak boleh bercakap tetapi Mohd. Zahir mampu memahami dengan jelas setiap percakapan dan mahir dalam bahasa Inggeris.

"Saya berharap sangat suami akan mendapat kerja yang sesuai dengannya," ujar Noryati sayu.

Keluarga tersebut turut mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM200 sebulan.

Tiga anak pasangan berkenaan, Mohd. Fauzan, 12, Mohd. Fazrul, 10, bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Tunku Putera Baling manakala Norfatin Fahirah, 6, belajar di tadika berdekatan rumah mereka.



MOHD. Zahir Zainol menunjukkan Diploma Komputer yang dimilikinya di rumahnya di Kampung Bawah Gunung, Jalan Weng, Baling, semalam.